

PETRONAS teruskan cari gali minyak di Laut China Selatan

Malaysia terbuka untuk berunding jika bertindih tuntutan kawasan dengan China

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: PETRONAS akan terus melaksanakan kerja cari gali minyak di Laut China Selatan walaupun ketika ini terdapat pertindihan tuntutan kawasan itu dengan China, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, Malaysia menganggap projek cari gali yang dilakukan syarikat minyak negara itu berada di dalam kawasan atau wilayah negara.

Bagaimanapun, Anwar berkata Malaysia terbuka untuk rundingan jika China berasakan kawasan berkenaan adalah wilayah mereka.

Perdana Menteri berkata, beliau turut membangkitkan perkara itu kepada Presiden China, Xi Jinping dan rakan sejawatnya, Li Qiang ketika lawatan ke Beijing, baru-baru ini.

"Memang perkara ini dibangkitkan kerana terdapat tuntutan bertindih oleh kedua-dua pihak di Laut China Selatan, terutama kebimbangan China kerana PETRONAS menjalankan kegiatan besar-besaran di satu kawasan yang turut dituntut China.

"Saya nyatakan sendiri kepada Presiden dan Perdana Menteri China bahawa Malaysia menganggap ini kawasan Malaysia, maka PETRONAS akan teruskan



Anwar ketika Sesi Soal Jawab Perdana Menteri di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

cari gali minyak di kawasan itu. Bagaimanapun, jika China rasa itu hak mereka, kita boleh buka untuk rundingan.

"Saya tidak mahu elak daripada meneruskan rundingan, kerana ini pendirian ASEAN. ASEAN merasakan semua tuntutan bertindih harus diselesaikan secara rundingan, tapi setakat ini Malaysia bertegas bahawa ini (projek cari gali Petronas) adalah di kawasan atau wilayah Malaysia," katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) mengenai sama ada Perdana Menteri ada berbincang dengan pemimpin China mengenai keselamatan

di rantau ini, terutama kehadiran tentera China di Laut China Selatan.

"Mengenai kehadiran kapal China (di Laut China Selatan), China menerangkan itu di perairan antarabangsa tetapi Kementerian Luar (Malaysia) akan terus memantau dan jika ada pelanggaran, kita akan mengeluarkan bantahan," katanya.

Mengenai Perjanjian Keselamatan Tiga Hala membabitkan Australia, United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) (AUKUS), yang turut bercadang membangunkan kapal selam berkuasa nuklear, Perdana Menteri berkata, rakan sejawatnya dari Australia, Anthony Albanese sudah

menghubungi beliau dan menghantar wakil khas bagi menjelaskan mengenai perkara itu.

"Pendirian Malaysia dan ASEAN adalah tidak menyokong apa saja usaha yang boleh meningkatkan ketegangan, terutama bidang ketenteraan.

"Malaysia dan ASEAN adalah zon bebas, yang tidak mahu kuasa besar menekan kita dan sebab itu, apabila diumumkan (penubuhan) AUKUS, Malaysia menyatakan keresahan supaya perkara ini tidak meledak sebagai sesuatu yang dianggap provokatif dan menyebabkan China meningkatkan kegiatannya di rantau ini," katanya.

Menjawab soalan lain, Anwar berkata, semua 19 memorandum persefahaman (MoU) bernilai

RM170 bilion yang dimeterai antara syarikat Malaysia dengan China, ketika lawatannya ke Beijing, akan dilaksanakan pada tahun ini atau selewat-lewatnya tahun depan.

Perdana Menteri berkata, perkara itu diputuskan antara beliau dan rakan sejawatnya, Li Qiang, bagi memastikan syarikat yang terbabit dapat memulakan pelaksanaan MoU berkenaan pada waktu yang ditetapkan, berbeza dengan MoU sebelum ini yang ada antaranya hanya sekadar pengumuman saja.

"Sembilan cadangan untuk pemeteraian MoU tidak diterima oleh saya dan Li Qiang kerana tidak mempunyai perancangan khusus pelaksanaan mulai tahun ini atau selewat-lewatnya akhir tahun ini.

"Jadi, (pelaksanaan) akan dipantau oleh kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan kerajaan China di bawah pengawasan Li Qiang," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Ku Abd Rahman Ku Ismail (PN-Kubang Pasu) mengenai sejauh mana keyakinan 19 MoU ditandatangani di Beijing akan diterjemah kepada pelaburan sebenar.

Perdana Menteri memberi contoh, Geely Holding Group Co (Geely) akan datang ke Malaysia awal bulan depan bagi melaksanakan projek di Tanjung Malim, manakala syarikat Rongsheng sudah berkunjung dua minggu lalu.

Secara keseluruhan semua MoU membabitkan 36 syarikat dari China, iaitu 11 dalam bidang pembuatan, 12 perkhidmatan, sembilan pengimport dan empat infrastruktur.

Ia dijangka dapat mewujudkan sebanyak 35,000 peluang pekerjaan.